



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM PENUAIAN HASIL TERNAKAN KUPANG SISTEM P-LINE, KESANG LAUT

DI JETI PANGKALAN KESANG LAUT, MUKIM KESANG, TANGKA

14 APRIL 2019 (AHAD) JAM 12:00 TENGAHARI

1. Negeri Johor merupakan pengeluar kupang utama di Malaysia dengan pengeluaran sebanyak **2,232 tan metrik** dihasilkan melalui aktiviti akuakultur. Namun demikian ternakan kupang dan aktiviti akukultur tepi pantai kini dihipit dengan kepesatan pembangunan di persisiran pantai di Selat Johor.
2. Menyedari hakikat ini, Jabatan Perikanan telah mengambil langkah pro-aktif bagi memastikan sumber kupang di Johor terus terpelihara dengan memperkenalkan sistem ternakan yang lebih moden dan mesra pembangunan. Ini selaras dengan matlamat Jabatan untuk menjadikan Negeri Johor sebagai hub kerang-kerangan khususnya kupang.
3. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) melalui Fisheries Research Institute telah mengenalpasti beberapa **kawasan berpotensi** bagi ternakan kupang berdasarkan kepada kedapatan sumber benih dan parameter air yang sesuai;
 - i. Sg. Melayu – Pendas, Johor Bharu
 - ii. Sg. Senibong – Teluk Jawa, Pasir Gudang, Johor Bharu
 - iii. Pasir Putih, Pasir Gudang, Johor Bharu
 - iv. Pulau Nenas (Hannan), Johor Bharu
 - v. Tg. Serindit, Belungkor, Kota Tinggi
 - vi. Sg. Penebuk, Pengerang, Kota Tinggi
 - vii. Sg. Papan (Felda Sg. Papan), Kota Tinggi
 - viii. Sg. Balang - Parit Keroma, Muar
4. **Sistem Ternakan Kupang *Smartline*** telah diperkenalkan di Perairan Teluk Jawa sebagai usaha Jabatan untuk mentransformasi sistem ternakan kupang sediaada kepada kaedah moden yang mesra alam, tersusun kemas, tahan lama dan memberikan hasil yang lebih tinggi.

5. Sebanyak **82 unit Smartline** telah dilabuhkan di Senibong dan Kuala Masai yang berjaya meningkatkan pendapatan 32 orang pengusaha sebanyak RM1,000 sebulan.
6. **Inovasi terkini** yang telah diperkenalkan oleh DOF adalah **sistem ternakan kupang P-Line** kombinasi Smartline dan rawai tradisi yang lebih moden, teratur dan mesra alam serta membantu para penternak kupang mengatasi masalah ketahanan semasa ombak kuat.
7. Sehingga kini terdapat sebanyak **12 unit P-Line telah dilabuhkan di Tg Piai, Muar dan Johor Bharu** yang mampu menambah pendapatan sehingga RM500 sebulan.
8. Jabatan juga telah menjalankan surveilan dan penyampelan kupang melalui **National Shellfish Sanitation Program (NSSP)** bagi memastikan kupang yang dihasilkan adalah berkualiti dan selamat dimakan. Program pemantauan tahunan menunjukkan **tiada pelanggaran** terhadap parameter pada kupang yang dianalisa dan memenuhi piawai eksport.
9. Di Daerah Muar/Tangkak, seramai **30 orang Ketua Jaringan Perikanan (KJP)** telah dilantik mewakili nelayan di setiap pangkalan bagi tujuan menambahbaik dan memperluaskan program Jabatan melibatkan komuniti di setiap rantai nilai. Ini termasuklah komuniti perikanan **#myKP Kesang Laut melibatkan seramai 15 orang ahli** secara keseluruhan.

####

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Perikanan Malaysia

14 April 2019 (Ahad)

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen) : 013-631 7313 (Mohd Sharir)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my